

01 JUL 1996

YANG DI-PERTUAN AGONG HANTAR UCAP TAHNIAH KEPADA KANADA

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini mengutuskan ucap tahniah kepada Gabenor-Jeneral Kanada Romeo Le Blanc sempena Hari Kebangsaan negara itu.

Tuanku Ja'afar berharap rakyat Kanada akan terus maju dan makmur di bawah kepimpinan Le Blanc.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Jean Chretien.

Dr Mahathir berharap hubungan Malaysia dan Kanada yang selama ini begitu erat akan diperkukuhkan menerusi bidang kerjasama yang lebih luas demi kepentingan bersama.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapan tahniahnya kepada Menteri Luar Kanada Lloyd Axworthy turut berharap hubungan erat yang sedia terjalin antara kedua-dua negara akan dapat diperkukuhkan pada masa depan.

-- BERNAMA

ZUL RON